

# PM bincang undangan Pope dengan jemaah Menteri

UM 25 MAY 2002

SUBANG 24 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan membincangkan dengan jemaah Menteri mengenai undangan pemimpin tertinggi Katholik, Pope John Paul untuk bertemu dengannya di Vatican, bulan depan.

“Saya akan kemukakan (undangan itu) kepada Kabinet dan kita akan maklumkan keputusannya nanti,” katanya kepada pembe-

rita sekembalinya daripada lawatan ke Jepun dan Korea Selatan, di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini, hari ini.

Beliau memberitahu demikian ketika ditanya soal lawatannya ke Vatican yang dijadualkan antara 9 hingga 12 Jun ini ketika melawat Switzerland dan Luxembourg.

Semalam, agensi berita *Reuters* melaporkan Dr. Mahathir telah menerima

undangan daripada Pope, tetapi Perdana Menteri belum memberikan sebarang tarikh rasmi.

Menurut laporan itu lagi, pertemuan antara Dr. Mahathir dan Pope mungkin berlangsung sebelum atau selepas beliau pergi ke Switzerland.

Jika berlangsung seperti yang dijadualkan, lawatan tersebut adalah yang pertama oleh seorang pemimpin Malaysia ke Vatican.